

'Hujan ikan dari langit'

Metro Ahad 17/7/2022 m/s 23

New Delhi: Penduduk di sebuah negeri di India melalui detik aneh apabila melihat banyak ikan di jalan raya.

Kebanyakan hidupan laut itu masih hidup dan diper-
cayai dibawa arus banjir pada musim tengkujuh.

Seorang saksi, yang ber-
kongsi video peristiwa aneh itu di laman Twitter mem-
beri gambaran kejadian itu
berlaku di bandar Jagtial, Te-
langana.

"Di tengah-tengah hujan lebat di Telangana, penduduk bandar Jagtial menyaksikan sesuatu yang unik.

"Penduduk Sai Nagar di bandar Jagtial bangun pada Jumaat dan Sabtu dengan kejutan apabila menemui 'hujan ikan dari langit'.

"Hujan ikan, fenomena cuaca jarang berlaku dan ia dipanggil hujan haiwan yang berlaku apabila haiwan air kecil seperti katak, ketam dan ikan kecil dihanyutkan (banjir)," katanya seperti dilaporkan Metro UK.

Berdasarkan rakaman vi-
deo itu, kelihatan penduduk
bergadai nyawa mengambil ikan dan mengutipnya se-
cara berlonggok.

Jutaan orang kehilangan tempat tinggal dalam mu-
sim tengkujuh terburuk di India sejak 2005 hingga me-
ngakibatkan lebih 700 ter-
korban dan menyaksikan pemindahan besar-besaran.

Empangan dibuka di be-
berapa tempat, di tengah-te-
ngah kebimbangan hujan akan turun lagi.

Pesuruhjaya Wilayah Per-
bandaran, Amit Prakash Ya-
dav berkata, lebuh raya per-
sekutuan dari Ahmedabad ke Mumbai ditutup kerana paras air semakin mening-
kat. - Agensi